

KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

MEMACU SAINS & TEKNOLOGI

BERSAMA MALAYSIA MADANI 2023

 **MERAKYATKAN** SAINS
MENGINSANKAN TEKNOLOGI
MENGARUSPERDANAKAN INOVASI





KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION



MEMACU SAINS & TEKNOLOGI



BERSAMA MALAYSIA MADANI 2023



MERAKYATKAN SAINS
MENGINSANKAN TEKNOLOGI
MENGARUSPERDANAKAN INOVASI





Kandungan

Sekapur Sirih
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi 4

Seulas Pinang
Timbalan Menteri Sains,
Teknologi dan Inovasi 6

Setitis Tinta
Ketua Setiausaha
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi 7

**Latar Belakang
Visi & Misi** 8 10



KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

Aras 1 - 7, Blok C4 & C5, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62662 Putrajaya, Malaysia.

No. telefon: (603) 8000 8000
E-mel: enquiry@mosti.gov.my
URL: www.mosti.gov.my

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.



Sorotan Utama

- Hari Pertama YB Menteri 12
- Mesyuarat Pasca Kabinet Pertama 13
- Sesi Serah Terima Tugas YB Menteri 14
- Hari Pertama YB Timbalan Menteri 15
- Majlis Amanat YB Menteri 2023 16





KPI MADANI 100 Hari YB Menteri 18

Lawatan Kerja Rasmi dan Turun Padang 21

Merakyatkan Sains, Menginsankan Teknologi, Mengarusperdanakan Inovasi: MALAYSIA MADANI 49

Kolaborasi Pemacu Agenda STI

- Kunjungan Hormat 102
- Memorandum Persefahaman (MoU) 109

Keluarga MOSTI Luar Biasa 119


Penghargaan 146





SEKAPUR SIRIH

MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI



Sejajar dengan perjuangan YAB Perdana Menteri melalui konsep MALAYSIA MADANI khususnya dalam teras ke-3 iaitu Daya Cipta yang menekankan pembaharuan dan pengupayaan modal insan bagi menjelmakan daya cipta manusia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sentiasa positif sebagai Kementerian utama dalam menjadikan Malaysia negara yang berdaya cipta serta komited untuk sama-sama menggembleng kemahiran, pengetahuan dan komitmen tenaga kerja menerusi sains, teknologi dan inovasi (STI).

Sebagai Kementerian yang menerajui agenda STI, MOSTI memainkan peranan penting dalam menawarkan penyelesaian tuntas menggunakan teknologi berhubung isu dan cabaran semasa negara.

Pelbagai inisiatif telah dan akan dilaksanakan untuk memastikan persekitaran dan infrastruktur yang mampu merangsang kreativiti dan menggalakkan penghasilan sistem, produk, idea dan proses yang lebih maju dalam usaha mentransformasikan Malaysia daripada sebuah negara pengguna teknologi kepada negara pembangun teknologi menjelang tahun 2030.

MOSTI turut menyumbang kepakaran dari segi teknologi khususnya berkaitan pengesanan awal bencana sebagai langkah siap siaga bagi mendepani cabaran-cabaran semasa serta melaksanakan aktiviti penyelidikan dan pengkomersialan.

Pada masa yang sama, MOSTI juga telah menawarkan penyelesaian teknologi yang sedia diguna pakai secara meluas untuk menangani cabaran jaminan makanan, antaranya ialah biji benih rentan penyakit dan cuaca, bio-baja nano, *vertical farming* dan Panel Tenaga Suria Nano.

Sebagai pemegang portfolio Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, saya telah menggariskan enam (6) aspirasi utama iaitu P.R.E.C.I.S.E, agar MOSTI dapat menjadi agen perubahan dalam meningkatkan kerjasama dengan pelbagai pihak, menggalakkan perkongsian pengetahuan dan kepakaran rentas kementerian dan agensi, serta memperkukuh integriti. Inilah bukti komitmen MOSTI, selari dengan pendekatan 'Merakyatkan Sains, Menginsankan Teknologi, Mengarusperdanakan Inovasi'.

YB TUAN CHANG LIH KANG
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi



“Pelbagai inisiatif telah dan akan dilaksanakan untuk memastikan persekitaran dan infrastruktur yang mampu merangsang kreativiti dan menggalakkan penghasilan sistem, produk, idea dan proses yang lebih maju dalam usaha mentransformasikan Malaysia daripada sebuah negara pengguna teknologi kepada negara pembangun teknologi menjelang tahun 2030.”



PEOPLE CENTRIC
(MENDAHULUKAN RAKYAT)



RESEARCH & DEVELOPMENT (R&D)
(PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN)



ENCULTURATION
(PEMBUDAYAAN)



CAPACITY BUILDING
(PEMBINAAN KEUPAYAAN)



INVESTMENT
(PELABURAN)



STARTUPS ECOSYSTEM
(EKOSISTEM SYARIKAT PEMULA)



SEULAS PINANG

TIMBALAN MENTERI SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI



Inovasi dan kreativiti telah menjadi pemacu kekayaan negara-negara pada abad ke-21. Dengan kata lain, ukuran kehebatan sesebuah negara pada era teknologi ini adalah berpaksikan kepada kebolehannya dalam membudayakan sains, teknologi dan inovasi (STI) serta menyemarakkan semangat dahagakan ciptaan.

Sehubungan itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) percaya inovasi merupakan salah satu inisiatif yang berpotensi besar dalam membantu menggalakkan penyertaan komuniti untuk menghasilkan produk yang mempunyai misi sosial yang jelas.

MOSTI menerusi agensi-agensi di bawahnya akan terus memperkenalkan inovasi sosial dalam merangsang pasaran yang lebih dinamik, inklusif dan mampan. Teknologi inovasi akan dibangunkan dengan lebih giat termasuklah di kawasan luar bandar sehingga ke peringkat akar

umbi. Inisiatif ini diharap dapat diperluaskan ke seluruh Sabah dan Sarawak bagi memastikan tiada yang ketinggalan dalam menerima manfaat dan bimbingan daripada program-program yang dianjurkan.

Ini bukan kerja mudah, malah perlaksanaannya memerlukan masa dan komitmen yang tinggi. Namun begitu, dengan kerjasama kukuh seluruh warga MOSTI, tiada apa yang mustahil. Asal ditugal, ada benihnya!



“Teknologi inovasi akan dibangunkan dengan lebih giat termasuklah di kawasan luar bandar sehingga ke peringkat akar umbi. Inisiatif ini diharap dapat diperluaskan ke seluruh Sabah dan Sarawak bagi memastikan tiada yang ketinggalan dalam menerima manfaat dan bimbingan daripada program-program yang dianjurkan.”

YB DATUK ARTHUR JOSEPH KURUP

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

SETITIS TINTA

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI



Serumpun bak serai, sesusun bak sirih – itulah pegangan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam mengharungi tahun 2023 ini. Alhamdulillah, berkat kerjasama dan kesatuan yang utuh, MOSTI telah berjaya melakar beberapa pencapaian baharu dalam bidang sains, teknologi dan inovasi (STI).

Konsep The Great Civil Service atau akronimnya G.R.E.A.T. yang diperkenalkan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara, mengajak kita untuk kembali kepada asas nilai individu dan organisasi yang meliputi *Good Governance* (Tadbir Urus Terbaik), *Responsible* (Tanggungjawab), *Empathy* (Ihsan), *Accountable* (Kebertanggungjawaban) dan *Tenacity of Purpose* (Fokus Pada Matlamat).

Kelima-lima elemen ini berpaksikan kepada semangat berpasukan yang menjadi medium utama usaha kerajaan dalam menangani pemulihan ekonomi, menentang penindasan dan

ketidakadilan, menjamin hak dan kesamarataan, serta melonjakkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Begitulah juga halnya dengan peranan MOSTI dalam memberi kesedaran dan menarik minat masyarakat untuk mengenali dan mengguna pakai STI. Kita perlu lebih cakna dan menambah baik mutu perkhidmatan agar lebih profesional dengan mengutamakan rakyat. *There is always room for improvement, because if you think you are perfect, then you will not have a chance to become any better.* Bersama kita jadikan 'MOSTI Luar Biasa'!



Kita perlu lebih cakna dan menambah baik mutu perkhidmatan agar lebih profesional dengan mengutamakan rakyat. *There is always room for improvement, because if you think you are perfect, then you will not have a chance to become any better.* Bersama kita jadikan 'MOSTI Luar Biasa'!


YBHG. DATO' TS. DR. HJ. AMINUDDIN BIN HASSIM
Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi



LATAR BELAKANG MOSTI

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah ditubuhkan pada tahun 1970 dan dikenali sebagai Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan.

Susulan daripada beberapa perubahan yang berlaku, Kementerian ini juga telah mengalami pertukaran nama beberapa kali iaitu Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (MOSTE) pada tahun 1976, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada tahun 2004, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) pada tahun 2018 dan kini dikenali semula sebagai Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).





VISI Negara Berteknologi Tinggi Melalui Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE)


Beberapa fokus utama telah dirangka sebagai garis panduan dalam memastikan visi kementerian dapat dicapai.




Menerajui teknologi dan inovasi terkini untuk meningkatkan daya saing global negara.



Memperluas pembangunan teknologi negara dengan memantapkan dasar dan peraturan.



Menyediakan perkhidmatan dan pemboleh daya STIE yang berkesan dan cekap melalui tadbir urus yang tangkas.



Memperhebat bakat melalui pendekatan inklusif untuk penyampaian berprestasi tinggi.



Komunikasi sains yang berkesan bagi mempercepat pertumbuhan STIE.

MISI Menerajui STIE dalam Menangani Isu dan Cabaran Negara untuk Kesejahteraan Masyarakat dan Pembangunan Mampan

Dalam memastikan misi tercapai, MOSTI tekad untuk:

1

Menerajui pembangunan STIE melalui R&D&C&I ke arah penciptaan kekayaan dan Negara Berteknologi Tinggi untuk pertumbuhan ekonomi, kelestarian persekitaran dan kesejahteraan masyarakat.

2

Membangunkan pemboleh daya STIE dan menyediakan perkhidmatan dalam menangani isu-isu negara melalui pendekatan saintifik, teknologi terkini dan pembangunan modal insan.

3

Merancang dan membudayakan STIE dalam semua aspek kehidupan dan masyarakat untuk mencapai Negara Berteknologi Tinggi dan kesejahteraan bersama.

SOROTAN UTAMA



HARI PERTAMA YB MENTERI MOSTI

4 DISEMBER 2022

YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, memulakan hari pertama dengan *clock-in* di ibu pejabat Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Blok C5, Kompleks C, Putrajaya.

Ketibaan beliau disambut oleh YBhg. Dato' Ts. Dr. Hj. Aminuddin bin Hassim, Ketua Setiausaha MOSTI, YBhg. Datuk Ts. Dr. Mohd. Nor Azman bin Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Teknologi), YBrs. Tuan Ooli Gunalan a/l Manickam, Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan) dan warga kerja MOSTI.



MESYUARAT PASCA KABINET PERTAMA MOSTI

5 DISEMBER 2022

YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah mempengerusikan Mesyuarat Pasca Kabinet pertama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang diadakan di Bilik Gerakan MOSTI.



SESI SERAH TERIMA TUGAS YB MENTERI MOSTI

8 DISEMBER 2022

Sesi serah terima tugas antara YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dan YBhg. Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, Mantan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.



HARI PERTAMA YB TIMBALAN MENTERI MOSTI

12 DISEMBER 2022

YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, memulakan hari pertama di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan *clock-in* di ibu pejabat Kementerian, Blok C5, Kompleks C, Putrajaya.

Pertemuan pertama YB Datuk Arthur Joseph Kurup sebagai Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dengan YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi turut disertai oleh YBhg. Dato' Ts. Dr. Hj. Aminuddin bin Hassim, Ketua Setiausaha MOSTI, YBrs. Ts. Dr. K. Nagulendran, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan Sains) MOSTI dan YBrs. Tuan Ooli Gunalan a/I Manickam, Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan) MOSTI.



MAJLIS AMANAT YB MENTERI 2023

17 JANUARI 2023

YB Tuan Chang Lih Kang dalam ucapan amanatnya menjelaskan akan mengambil pendekatan berteraskan 4K iaitu Komuniti, Kerjasama, Kemajuan dan Kemakmuran yang melibatkan empat (4) pihak utama iaitu kerajaan, akademia, industri dan komuniti demi memacu agenda sains, teknologi dan inovasi (STI) negara.



Majlis Amanat pertama YB Tuan Chang Lih Kang sebagai Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi bersama barisan Pengurusan Tertinggi MOSTI dan wakil daripada agensi-agensi di bawah MOSTI serta warga kementerian.



KPI MADANI 100 HARI YB MENTERI



Selepas pengumuman kerangka dasar MADANI sebagai hala tuju baharu pembangunan Malaysia oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 19 Januari 2023, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) giat melaksanakan pelbagai program dan aktiviti dalam memenuhi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan pada tahun 2023.

Sebagai kementerian yang menerajui agenda sains, teknologi dan inovasi (STI), MOSTI memainkan peranan penting dalam menawarkan penyelesaian isu dan cabaran negara. MOSTI komited menjalankan kerjasama dengan pelbagai pihak yang berkaitan bagi mengadaptasi teknologi penyelesaian yang memberi impak kepada rakyat dan negara.





Program MYStartup Hackathon

Cradle Fund Sdn. Bhd. dan Digital Nasional Berhad

Strategi

Meningkatkan keberkesanan 5G (*Wireless*) dan penglibatan *startup* dalam teknologi 5G.

Teras

Membina Semula Ekonomi

Sasaran

Tiga (3) individu berkumpulan / syarikat dipilih sebagai pemenang



Program MYHackathon

Cradle Fund Sdn. Bhd.

Strategi

Meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia dan Jabatan Penjara Malaysia.

Teras

Reformasi Institusi Demokrasi dan Perundangan

Sasaran

Dua (2) sistem selesai ujian di peringkat demonstrasi awal



Bio-Based Accelerator (BBA)

Bioeconomy Corporation

Strategi

Meningkatkan industri bioteknologi dan berasaskan bio melalui pelaburan dan penciptaan pekerjaan.

Teras

Membina Semula Ekonomi

Sasaran

21 syarikat BBA diluluskan

Ruang Daya Cipta STIE Manong dan Sandakan

Yayasan Inovasi Malaysia



Strategi

Memperkukuh pembudayaan bakat STI sebagai penyumbang sosioekonomi masyarakat.

Teras

Menjamin Kesejahteraan Ihsan

Sasaran

100 peserta komuniti

Program Pembudayaan STI MOSTI

Karnival Sains, PSTI

Strategi

Pameran dan aktiviti interaktif berteraskan STI

Teras

Menjamin Kesejahteraan Ihsan

Sasaran

1,000 peserta komuniti





**LAWATAN KERJA
RASMI DAN
TURUN PADANG**

YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah mengadakan lawatan kerja ke Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP) yang merupakan sebuah syarikat modal teroka di bawah seliaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada 3 Januari 2023.



Akademi Sains Malaysia (ASM) selaku agensi di bawah seliaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menerima lawatan kerja rasmi daripada YB Tuan Chang Lih Kang pada 3 Januari 2023 bagi memahami lebih terperinci peranan ASM dalam bidang sains, teknologi, inovasi dan ekonomi (STIE).



Sesi bergambar YB Tuan Chang Lih Kang bersama Pengurusan Tertinggi MOSTI dan Pengurusan ASM.



YB Tuan Chang Lih Kang bersama YB Datuk Arthur Joseph Kurup telah mengadakan lawatan kerja ke Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) pada 9 Januari 2023.



Wakil daripada MTDC berkongsi mengenai fungsi dan peranan agensi tersebut dan kemudiannya membawa delegasi MOSTI melawat Akademi Latihan Teknopreneur (TENTRA), Centre of 9 Pillars Experience Centres (Co9P) di Pusat Teknologi UPM-MTDC.





Bioeconomy Corporation telah menerima lawatan kerja daripada YB Tuan Chang Lih Kang dan YB Datuk Arthur Joseph Kurup serta delegasi kementerian pada 10 Januari 2023.

YB Tuan Chang Lih Kang dan YB Datuk Arthur Joseph Kurup berkesempatan bergambar bersama warga Bioeconomy Corporation



YB Tuan Chang Lih Kang bersama YB Datuk Arthur Joseph Kurup telah mengadakan lawatan kerja ke Cradle Fund Sdn. Bhd. yang merupakan salah sebuah agensi pembiayaan di bawah seliaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada 12 Januari 2023.



MOSTI melalui Cradle akan terus komited membina ekosistem *startup* yang kondusif sekali gus menjadi agensi fokal yang menguruskan ekosistem pembangunan *startup* daripada fasa permulaan sehingga pertumbuhan untuk meningkatkan daya saing *startup* tempatan di peringkat antarabangsa.





Pada 30 Januari 2023, YB Tuan Chang Lih Kang dan delegasi MOSTI turut berkesempatan meninjau kemudahan dan fasiliti yang terdapat di Atom Malaysia seperti Pusat Sokongan Sekuriti Nuklear (NSSC), Bilik Barang Sitaan (*Bomb Pit*) dan Pusat Pengurusan Tindakbalas Nuklear Kebangsaan (NCNRM).

Sesi bergambar YB Tuan Chang Lih Kang dan YBhg. Dato' Ts. Dr. Hj. Aminuddin Bin Hassim bersama kakitangan Jabatan Tenaga Atom.



YB Tuan Chang Lih Kang telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV) pada 10 April 2023.

MDV memainkan peranan dalam menyediakan pembiayaan kewangan kepada syarikat-syarikat dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), teknologi hijau, bioteknologi dan teknologi baharu.





YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah menghadiri sesi lawatan kerja rasmi ke Jabatan Kimia Malaysia (KIMIA Malaysia) dan disambut oleh YBrs. Puan Halimah binti Abdul Rahim, Ketua Pengarah KIMIA Malaysia dan barisan pengurusan tertinggi KIMIA Malaysia pada 11 April 2023.



YB Tuan Chang Lih Kang dan YBrs. Puan Ruziah Binti Shafei berkesempatan bergambar bersama pengurusan KIMIA Malaysia.

YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT) sempena pelancaran Sistem Tenaga GOLDGROW™ CGR di Hab Perkongsian MIGHT pada 13 April 2023.

Wakil daripada MIGHT sedang memberi penerangan berkenaan fungsi dan penggunaan alatan di agensi tersebut.



YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke sebuah lagi agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) iaitu Kumpulan Modal Perdana (KMP) pada 9 Jun 2023.



Sesi bergambar YB Tuan Chang Lih Kang bersama pengurusan Kumpulan Modal Perdana (KMP).



Lawatan kerja rasmi YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, ke Jabatan Kimia Malaysia (KIMIA Malaysia) telah disambut oleh YBrs. Puan Halimah binti Abdul Rahim, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) KIMIA Malaysia dan warga kerja yang lain pada 5 Januari 2023.

YB Datuk Arthur Joseph Kurup menamatkan sesi lawatan dengan bergambar bersama-sama barisan pengurusan KIMIA Malaysia.



YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah hadir ke Akademi Sains Malaysia (ASM) bagi mengadakan lawatan kerja pada 5 Januari 2023.




YBrs. Puan Hazami binti Habib, Ketua Pegawai Eksekutif Akademi Sains Malaysia (ASM) memberi penerangan kepada YB Timbalan Menteri MOSTI berkaitan ASM.



Pada 17 Januari 2023, YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke MIMOS Berhad.

Pada hari yang sama, YB Datuk Arthur Joseph Kurup, turut berkesempatan mengadakan lawatan kerja rasmi ke Yayasan Inovasi Malaysia (YIM).





NanoMalaysia Berhad telah menerima kunjungan YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dalam rangka lawatan kerja ke jabatan dan agensi di bawah seliaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada 24 Februari 2023.



YB Datuk Arthur Joseph Kurup telah diberi penerangan lebih lanjut mengenai fungsi dan peranan NanoMalaysia Berhad sebagai sebuah entiti perniagaan yang diamanahkan dengan aktiviti pengkomersialan dan perindustrian nanoteknologi menerusi model pembangunan usaha sama.

Pada 19 Januari 2023, YBhg. Dato' Ts. Dr. Hj. Aminuddin bin Hassim, Ketua Setiausaha, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah mengadakan lawatan turun padang ke syarikat Inference Tech Sdn. Bhd. yang merupakan pakar penyelesaian Kecerdasan Buatan (AI).



YBhg. Dato' KSU turut berkesempatan meninjau dan bergambar bersama wakil syarikat Inference Tech Sdn. Bhd.





YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah mengadakan lawatan tapak dan turun padang ke Projek Biobaja Migrofas M99 Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) bagi tanaman timun, peria, limau kasturi, petola, labu air, serai, kacang panjang, pisang, dan kelapa sawit di Ladang EGI Green, Sungkai, Perak pada 3 Februari 2023.



YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah mengadakan lawatan ke beberapa tapak projek inovasi di Sabah pada 9 hingga 10 Februari 2023. Turut sama pada sesi lawatan ini ialah YBrs. Dr. Sharmila Mohamed Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Inovasi Malaysia (YIM).



Projek inovasi sosial di Keningau diharap mampu melahirkan inovator akar umbi yang boleh diangkat sebagai ikon inovator bukan sahaja di wilayah Sabah malah di seluruh negara.





YBhg. Dato' Ts. Dr. Hj. Aminuddin bin Hassim, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah mengadakan lawatan kerja ke dua (2) buah tapak projek inovasi sosial di negeri Johor pada 28 Mac 2023.

Lokasi pertama adalah tempat pemprosesan produk inovasi hasil kajian YIM bersama RISDA iaitu Teknologi Pemprosesan Burger Cendawan.





Lokasi kedua adalah produk inovasi Teknologi Bee-Modular-UTM yang menampilkan reka bentuk sarang lebah kelulut mengguna pakai bahan khas yang lebih tahan lama, kalis cuaca dan mudah dikendalikan.





YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah mengadakan lawatan ke Ladang Jagung Famox Agrotech milik Famox Sdn. Bhd. di Kampung Sungai Batu, Merbok, Kedah pada 5 Mac 2023.



Kepakaran utama syarikat Famox Sdn. Bhd. adalah dari segi pengeluaran biojisim makanan haiwan dan pemrosesannya termasuk perladangan, ayam, tenusu, jalan jentera dan peralatan, selain pembinaan teknologi tinggi dan latihan.

YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah mengadakan lawatan kerja ke Pusat Sains Negara Cawangan Wilayah Utara bagi memantau proses pembinaan dan pembangunan galeri pameran Sains Kanak-kanak Interaktif Terbesar di Wilayah Utara iaitu 'Bahtera Langkasuka' pada 5 Mac 2023.

YB Timbalan Menteri berkesempatan meninjau sekitar Pusat Sains Negara Cawangan Wilayah Utara.





Sesi penerangan ringkas turut diadakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Johor dan juga pihak kontraktor berhubung status projek.

YBhg. Dato' Ts. Dr. Hj. Aminuddin bin Hassim, Ketua Setiausaha, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah mengadakan lawatan turun padang ke projek 'Membina Bangunan Tambahan' oleh Jabatan Kimia Negeri Johor pada 28 Mac 2023.





YBhg. Dato' Ts. Dr. Hj. Aminuddin bin Hassim, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah mengadakan sesi lawatan turun padang ke projek 'Pembinaan Infrastruktur Serta Kerja-Kerja Berkaitan untuk Menempatkan Satu Sistem Antena di Stesen Penerima Data Satelit, Agensi Angkasa Malaysia, Temerloh, Pahang pada 7 April 2023.



Lawatan turun padang ini bertujuan untuk memantau pelaksanaan dan kemajuan projek, di samping membincangkan isu atau permasalahan berkaitan.

YBhg. Dato' Ts. Dr. Hj. Aminuddin bin Hassim, Ketua Setiausaha MOSTI, telah mengadakan lawatan turun padang ke syarikat Bio Angle Vacs Sdn. Bhd. bagi memantau pembangunan projek *Commercialisation of Intranasal Spray Vaccine for Goats and Sheep Against Pneumonia* pada 15 Mei 2023.



Pada hari yang sama, YBhg. Dato' KSU juga berkesempatan untuk meninjau projek Pembangunan Nurseri Tumbuhan Bersistem Hidroponik Vertikal Bagi Tumbuhan Perubatan di Agro-Biotechnology Institute Malaysia (ABI), Serdang.



YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains Teknologi dan Inovasi bersama YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah mengadakan lawatan ke Observatori Negara Langkawi (ONL) Kedah, Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) pada 24 Mei 2023.





YBhg. Dato' Ts. Dr. Haji Aminuddin bin Hassim, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah mengadakan lawatan turun padang ke Projek Pembangunan Kemudahan Pusat Simulasi Pasukan Tindak Balas Nuklear pada 29 Mei 2023.



Puan Anne Antah, Pengasas Chanteek Borneo Sdn. Bhd. telah memberikan penerangan lebih lanjut berhubung inovasi yang telah dibangunkan di bawah program High Impact Project (HIP) 2018.

YBhg. Dato' Ts. Dr. Hj. Aminuddin bin Hassim, Ketua Setiausaha, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah mengadakan lawatan turun padang ke Chanteek Borneo Sdn. Bhd. bersama SME Corp. Cawangan Sabah pada 23 Jun 2023.





**MERAKYATKAN SAINS,
MENGINSANKAN TEKNOLOGI,
MENGARUSPERDANAKAN
INOVASI:
MALAYSIA MADANI**

KARNIVAL STI MOSTI 2023

3-4 FEBRUARI 2023



“Penganjuran Karnival STI 2023 bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi serta orang awam mengenai teknologi dan inovasi yang dibangunkan sesuai dengan cogan kata MOSTI iaitu **‘Merakyatkan Sains, Menginsankan Teknologi, Mengarusperdanakan Inovasi’.**”

YB Tuan Chang Lih Kang
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi



Jumlah kehadiran
pengunjung di Karnival STI
MOSTI 2023 yang telah
direkodkan adalah seramai

3,588
orang.


Semasa Majlis Perasmian Karnival STI MOSTI 2023, YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi turut melancarkan 'Road to Minggu Sains Negara 2023' bertempat di Dewan SITC, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS).



YB Tuan Chang Lih Kang dan YB Datuk Arthur Joseph Kurup turut meluangkan masa melawat pameran dan aktiviti yang disediakan di Karnival STI MOSTI 2023.

Karnival STI MOSTI 2023 telah berjaya menarik penyertaan daripada komuniti setempat terdiri daripada kalangan pelajar sekolah, mahasiswa, golongan pendidik dan orang awam.

Pelbagai aktiviti menarik berteraskan STI disediakan sepanjang berlangsungnya Karnival STI MOSTI 2023.



Pameran oleh agensi-agensi di bawah MOSTI.



MALAYSIA TECHLYMPICS 2023

Malaysia Techlympics merupakan inisiatif Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam usaha memperkasa sains, teknologi dan inovasi (STI) serta memupuk minat pelajar dan belia berusia antara 7 hingga 30 tahun terhadap Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dengan pendekatan yang menyeronokkan. Program ini diadakan sebagai inisiatif membudayakan belia dengan minda, set kemahiran dan inovasi yang lebih bermakna dan berimpak tinggi melalui konsep pertandingan.

Bagi tahun 2023, MOSTI bersama-sama Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) selaku agensi pelaksana telah meneruskan inisiatif Malaysia Techlympics untuk dilaksanakan secara meluas di seluruh negara.

Malaysia Techlympics 2023 telah bermula pada bulan Jun 2023 bagi peringkat negeri, bulan Ogos sehingga Oktober bagi peringkat zon dan seterusnya disudahi dengan peringkat akhir pada bulan November.

Sebanyak enam (6) tema telah dipilih dalam pelaksanaan Malaysia Techlympics 2023 iaitu:



PELANCARAN PROGRAM JANGKAUAN KETERANGKUMAN MALAYSIA TECHLYMPICS 2023

16 JUN 2023



Majlis Pelancaran Program Jangkauan Keterangkuman Malaysia Techlympics 2023 di SK Pos Bersih telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Ruziah binti Shafei, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan Sains) MOSTI.



PERSIDANGAN MIKRO MYSTARTUP NXT

9 MEI 2023



Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Cradle Fund Sdn. Bhd. telah melancarkan siri jelajah persidangan mikro iaitu MYStartup NXT sebagai sebahagian daripada usaha untuk menjana ekosistem *startup* yang inklusif, berkesan dan mampan di Malaysia.



MOSTI melalui Cradle Fund Sdn. Bhd. komited dalam mewujudkan sebuah ekosistem yang mampan dan inklusif bagi memastikan setiap komuniti *startup* tempatan berkembang serta mempunyai daya saing yang tinggi.



RUANG DAYA CIPTA

Ruang Daya Cipta (RDC) adalah satu inisiatif Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang dilaksanakan oleh Yayasan Inovasi Malaysia (YIM). Inisiatif ini bertujuan untuk memberi peluang kepada komuniti di Malaysia untuk mendapatkan akses kepada peralatan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI).

RDC yang dahulunya dikenali sebagai Ruang Reka Cipta telah dibangunkan di beberapa buah lokasi di seluruh negara iaitu:

- 1 Taman Rasa Sayang, Paroi, Negeri Sembilan
- 2 PPR Padang Hiliran, Kuala Terengganu, Terengganu
- 3 Pusat Perkhidmatan dan Transit Pelacongan Batu Ampat, Kota Tinggi, Johor
- 4 PKD Layang-Layang, Kluang, Johor
- 5 Dewan Komuniti Kampung Laut, Tumpat, Kelantan
- 6 Anjung Budaya Kompleks LADA, Langkawi, Kedah
- 7 Balairaya FELDA Bukit Puchong, Bera, Pahang
- 8 Pusat Agromakanan FAMA Manong, Kuala Kangsar, Perak
- 9 Kolej Vokasional Keningau, Sabah

PELANCARAN PROGRAM RUANG DAYA CIPTA MANONG, PERAK

19 MAC 2023

PUSAT AGROMAKANAN FAMA MANONG, KUALA KANGSAR

Ruang Daya Cipta Manong, Perak telah dirasmikan oleh YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.





Ruang Daya Cipta Manong menggabungkan elemen automasi dan pembengkelan seperti bengkel mesin, bengkel kraf tangan (seni dan kraf tangan), peralatan studio mini dan sudut inovasi pemikiran daya cipta.



PELANCARAN PROGRAM RUANG DAYA CIPTA KENINGAU, SABAH

16 JUN 2023

KOLEJ VOKASIONAL KENINGAU, SABAH

Perasmian Ruang Daya Cipta Keningau, Sabah oleh YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.



MINGGU SAINS NEGARA 2023

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) terus komited dalam menganjurkan Minggu Sains Negara (MSN) yang merupakan inisiatif Kementerian untuk menyemarakkan aktiviti inovasi dan kreativiti negara selari dengan Pelan Tindakan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030.

Memasuki tahun ke-6, MSN 2023 diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap peranan sains, teknologi dan inovasi (STI) serta kepentingannya dalam menyumbang kepada kesejahteraan dan peningkatan sosioekonomi negara.




MSN 2023 dijayakan dengan kerjasama strategik antara MOSTI dengan Kerajaan Negeri selaku agensi peneraju, dan institut pengajian tinggi (IPT), pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta pihak swasta selaku agensi pelaksana.

Pengisian program yang diadakan secara fizikal dan dalam talian telah disusun bagi menarik minat pelajar sekolah rendah dan menengah terhadap STI iaitu karnival MSN, pameran, webinar, seminar, sesi perkongsian, pertandingan, kuiz, pembikinan video, gamifikasi, bengkel dan perlumbaan maya (*virtual explorace*).



7 Bidang Fokus Utama

MSN 2023 menetengahkan konsep yang berbeza di mana ia berteraskan kepada bidang fokus utama yang berubah pada setiap bulan bermula pada bulan April hingga Oktober 2023.

April	Mei	Jun	Julai	Ogos	September	Oktober
						
Kesihatan Planet	Angkasa	Kegunaan Aman Nuklear	Nanoteknologi	Kejuruteraan	Inovasi Sosial	Kimia dan Bioteknologi

Penganjuran MSN 2023 mensasarkan penglibatan dan penyertaan sebanyak 1.7 juta yang terdiri daripada pelajar sekolah, pelajar IPT, belia, ibu bapa dan orang awam.

KARNIVAL MINGGU SAINS NEGARA 2023 PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

26 - 27 MEI 2023

Karnival MSN 2023 Peringkat Negeri Sembilan telah dirasmikan oleh YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi. Karnival ini telah berjaya menarik lebih 1,500 penyertaan daripada komuniti setempat.

Karnival MSN 2023 Peringkat Negeri Sembilan merupakan salah satu inisiatif MOSTI dalam usaha menggerakkan pelaksanaan pelbagai inisiatif pembudayaan dan aktiviti kesedaran STI secara besar-besaran.



KARNIVAL MINGGU SAINS NEGARA PERINGKAT KEDAH & PELANCARAN MALAYSIA TECHLYMPICS 2023

15 - 16 JULAI 2023

YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah merasmikan Karnival Minggu Sains Negara Peringkat Kedah dan Pelancaran Malaysia Techlympics 2023 di Dewan CRC, Kulim, Kedah.






Objektif pelaksanaan Karnival Minggu Sains Negara Peringkat Kedah ini adalah untuk meraikan kepelbagaian dengan memberi peluang kepada penggerak dan pengamal sains, teknologi dan inovasi (STI) tempatan mengetengahkan teknologi dan inovasi mereka yang tersendiri kepada umum, khususnya kepada anak-anak negeri ini.

MALAYSIA TECHLYMPICS 2023 PERINGKAT ZON UTARA

16 - 17 OGOS 2023

YBhg. Dato' Ts. Dr. Hj. Aminuddin bin Hassim, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi meluangkan masa melawat pameran dan aktiviti yang disediakan di Malaysia Techlympics 2023 Peringkat Zon Utara.



KARNIVAL MINGGU SAINS NEGARA (MSN) PERINGKAT NEGERI JOHOR

19 - 20 OGOS 2023

YB Tuan Chang Lih Kang telah merasmikan Karnival Minggu Sains Negara (MSN) Peringkat Negeri Johor.



KARNIVAL MINGGU SAINS NEGARA (MSN) DAN MALAYSIA TECHLYMPICS PERINGKAT NEGERI SABAH

24 - 26 OGOS 2023

Karnival MSN dan Malaysia Techlympics Peringkat Negeri Sabah dirasmikan oleh YB Datuk Dr Haji Mohd Arifin bin Datuk Haji Mohd. Arif, JP, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah yang mewakili YAB Datuk Seri Panglima Hj Hajiji Haji Noor, Ketua Menteri Sabah


Sesi bergambar YB Datuk Arthur Joseph Kurup bersama barisan pemenang.



STEM SHOWCASE '23 SEMPENA KARNIVAL MINGGU SAINS NEGARA (MSN) 2023 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG

25 - 26 OGOS 2023


YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang merasmikan STEM Showcase '23 Pulau Pinang bertempat di Sekolah Tinggi Han Chiang.



KARNIVAL MINGGU SAINS NEGARA (MSN) 2023 PERINGKAT NEGERI SELANGOR DAN MALAYSIA TECHLYMPICS 2023 PERINGKAT ZON TENGAH

6 - 7 SEPTEMBER 2023

Para peserta Malaysia Techlympics dari negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya berkumpul di sini untuk berentap bagi mewakili Zon Tengah ke pertandingan akhir pada November nanti.



KARNIVAL MINGGU SAINS NEGARA (MSN) 2023 PERINGKAT NEGERI SARAWAK DAN MALAYSIA TECHLYMPICS 2023 PERINGKAT ZON SARAWAK

20 – 21 SEPTEMBER 2023

YB Tuan Chang Lih Kang, bersama YB Datuk Roland Sagah Wee Inn turut meluangkan masa melawat pameran dan aktiviti yang diadakan.



KARNIVAL MINGGU SAINS NEGARA (MSN) 2023 PERINGKAT NEGERI TERENGGANU

30 SEPTEMBER - 2 OKTOBER 2023



Penganjuran Karnival MSN ini memberi peluang kepada penggerak teknologi dan inovasi (STI) tempatan untuk mengetengahkan teknologi dan inovasi mereka yang tersendiri kepada umum, khususnya kepada anak-anak di negeri Terengganu.




MOSTI DI LIMA'23

Pada 23 Mei 2023, YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah menghadiri perasmian Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi 2023 (LIMA '23).

Pada hari yang sama, YB Tuan Chang Lih Kang turut menerima kunjungan hormat daripada TYT Naiyl M. Latypov, Duta Persekutuan Rusia sempena LIMA'23.



YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah mengadakan lawatan ke Pavilion Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT), sebuah agensi di bawah MOSTI dan Pameran Space Tech Nexus.



Pada 23 Mei 2023, Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dan Pertukaran surat niat (LoI) antara Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) bersama rakan strategik telah diadakan di Pre-Function Room, Mahsuri International Exhibition Centre (MIEC), Langkawi.



Pada 24 Mei 2023, YAB Timbalan Perdana Menteri II, Dato' Sri Haji Fadilah Yusof telah melancarkan Pelan Strategik Industri Angkasa 2023 (SISP) dan Langkawi International Space Forum (LISF) bertempat di MICC, Langkawi.





Pada 24 Mei 2023, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri telah melancarkan Pelan Tindakan Dasar Angkasa Negara 2030 atau dikenali sebagai Malaysia Space Exploration 2030 (MSE2030).





Pada 24 Mei 2023, Ketua-ketua Agensi Angkasa negara rantau Asia Tenggara atau Head of Space Agency (HOSA) mengadakan perbincangan meja bulat di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), Langkawi bagi membincangkan kerjasama serantau dalam aspek keselamatan dan kelestarian teknologi angkasa.

Pada 25 Mei 2023 YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dan YBhg. Dato' Ts. Dr Haji Aminuddin bin Hassim, Ketua Setiausaha MOSTI telah menyempurnakan Majlis Penutupan Langkawi International Space Forum (LISF).



Pada 25 Mei 2023, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri telah melancarkan Malaysian Space Industry Corporation (MASIC) yang berlangsung di Mahsuri International Exhibition Centre (MIEC) sempena LIMA '23."



Pada 25 Mei 2023, YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah merasmikan The Space Generation Advisory Council Asia Pacific (SGAC).



MAJLIS PERASMIAN GALERI DRON, TECH DOME, PULAU PINANG

6 MAC 2023

YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah merasmikan Galeri Dron yang merupakan tarikan terbaharu di Tech Dome Pulau Pinang dalam usaha meningkatkan kesedaran dan minat masyarakat umum terhadap teknologi dron.



SAMBUTAN HARI KEJURUTERAAN SEDUNIA PERINGKAT MRANTI 2023

11 MAC 2023

YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah merasmikan Hari Kejuruteraan Sedunia (WED) 2023 peringkat MRANTI bertemakan *Engineering Possibilities* bersempena sambutan UNESCO.



PROGRAM RINTIS SANDBOX PEMBINAAN BERSAMA NATIONAL TECHNOLOGY & INNOVATION SANDBOX (NTIS) DAN CONSTRUCTION RESEARCH INSTITUTE OF MALAYSIA (CREAM)

14 MAC 2023

YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah melancarkan program rintis 'Sandbox Pembinaan' Bersama National Technology & Innovation Sandbox (NTIS) dan Construction Research Institute of Malaysia (CREAM).



PERASMIAN PERSIDANGAN PERTAMA DAGING KULTUR MALAYSIA DI PUSAT KONVENSYEN KUALA LUMPUR

16 MAC 2023



YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah merasmikan Persidangan Pertama Daging Kultur Malaysia di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.



PERASMIAN FLORAPONIC FARM MALAYSIA @ MANONG (FFM @ MANONG)

19 MAC 2023

YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah merasmikan Floraponic Farm Malaysia @ Manong (FFM @ Manong) yang merupakan sebuah tapak akuaponik berasaskan teknologi nano berskala besar di Manong, Perak.

YB Tuan Chang Lih Kang turut berkesempatan meninjau tapak projek akuaponik yang dikendalikan oleh Flora Niaga Sdn. Bhd. dengan kerjasama NanoMalaysia Berhad (NMB), sebuah agensi di bawah MOSTI.



FFM @ Manong meliputi komponen kolam ikan dan sistem hasil pertanian seperti sayur-sayuran seperti baby pak choy, daun salad dan ikan tilapia. FFM @ Manong dikendalikan oleh Flora Niaga Sdn. Bhd. menggunakan tanah seluas

2.5 ekar

dengan kawasan pertanian menegak pada kapasiti sehingga tiga (3) tan sebulan dan kawasan akuakultur pada kapasiti

6,000 ekor ikan

untuk setiap kitaran pembiakan.

MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM NGO@MAKERTHON

9 MEI 2023


Majlis Penutupan Program NGO@Makerthon telah disempurnakan oleh YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi pada 9 Mei 2023.



PELANCARAN PENSIJILAN PRODUK NANOTRUST DAN GRAPHENEVERIFY

15 MEI 2023

Pelancaran pensijilan ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi. Hadir sama adalah YBhg. Dato' Ts. Dr. Haji Aminuddin bin Hassim, Ketua Setiausaha MOSTI, YBhg. Datuk Fadilah Baharin, Pengerusi Nanoverify Sdn. Bhd. dan YBrs. Dr. Rezal Khairi bin Ahmad, CEO NMB.



NanoMalaysia Berhad (NMB) telah melancarkan dua (2) skim pensijilan produk iaitu NANOTrust dan GRAPHENEVerify pada 15 Mei 2023 di Hotel Sunway Putra. Skim di bawah Program NANOVerify ini akan memudahkan dan mempercepat pertumbuhan nanoteknologi di Malaysia dengan meningkatkan kepercayaan pengguna terhadap produk yang berasaskan nanoteknologi.

PELANCARAN PLATFORM SAINS TERBUKA MALAYSIA (MOSP)

16 MEI 2023

Pelancaran MOSP pada 16 Mei 2023 telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri. Hadir sama ialah YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YBhg. Dato' Ts. Dr. Haji Aminuddin bin Hassim, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan YM Academician Datuk Dr. Tengku Mohd Azzman Shariffadeen FASc, Presiden Akademi Sains Malaysia.

MOSP yang boleh diakses melalui mosp.gov.my merupakan platform perkongsian data penyelidikan mentah yang dimulakan oleh MOSTI dan diuruskan oleh Akademi Sains Malaysia (ASM) sejak 2019.



MAJLIS DUA (2) TAHUN KEMAJUAN SANDBOX TEKNOLOGI & INOVASI NEGARA (NTIS)

30 MEI 2023

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI) telah meraikan Majlis Dua (2) Tahun Kemajuan *Sandbox* Teknologi & Inovasi Negara (NTIS).

Pelancaran buku 'Dua Tahun NTIS' oleh YB Tuan Chang Lih Kang.



PELANCARAN MRANTI 5G EXPERIENCE CENTRE

12 JUN 2023

YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah melancarkan Pusat Pengajian Nasional untuk ujian 5G (5G Experience Centre) di Taman MRANTI, Bukit Jalil.



PELANCARAN TROLI PINTAR EZYCART

13 JUN 2023

YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah melancarkan ezyCart iaitu troli beli-belah pintar di Putrajaya.



Troli berteknologi tinggi ini merupakan contoh hasil inovasi tempatan dalam era Revolusi Industri ke-4.



PENYERAHAN PROJEK HIDROPONIK (TRUSMADI'S MINI GREENHOUSE) KEPADA SEKOLAH SEKITAR KENINGAU, SABAH

16 - 17 JUN 2023

YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Projek Hidroponik (Trusmadi's Mini Greenhouse) kepada SK Magatang pada 16 Jun 2023, serta SK Simbuan Tulid dan SMK Tulid pada 17 Jun 2023.



Projek Hidroponik merupakan inisiatif Social Technopreneurs Enrichment Program (STEP) 2023 dan ia merupakan satu bentuk teknologi inovatif yang memperkenalkan sistem akuaponik, hidroponik dan lain-lain penyelesaian yang berkaitan sebagai alternatif kepada keterjaminan makanan dan menyelesaikan isu alam sekitar. Selain itu, projek ini turut bermanfaat dalam memodenkan persekitaran pembelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), sekali gus menyediakan peluang pembelajaran berasaskan *hands-on* dan praktikal.



SESI PENYERAHAN AUTOMATIC WEAVTEN MACHINE KEPADA KOMUNITI TENUNAN MURUT BOOKAN

17 JUN 2023

YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah menyempurnakan sesi penyerahan *Automatic Weavten Machine* kepada Komuniti Penenun Murut Bookan.



Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) menerusi program pendanaan MyIS Akar Umbi telah menyediakan Geran Pembangunan Inovasi berjumlah RM50,000 bagi menghasilkan *Automatic Weavten Machine* kepada Komuniti Tenunan Murut Bookan di Keningau, Sabah.



MAJLIS PERASMIAN SABAH DRONE OPEN DAY 2023

26 JUN 2023

YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah menyampaikan ucapan di Sabah Drone Open Day 2023 pada 26 Jun 2023 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC).



MAJLIS PELANCARAN PROGRAM PENGGUNAAN BARANGAN DAN PERKHIDMATAN HASIL R&D TEMPATAN (MYSTI) DALAM PEROLEHAN KERAJAAN DAN PELANCARAN ROAD TO MCY SUMMIT 2023

27 JUN 2023

YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah melancarkan dua (2) inisiatif strategik bagi mempertingkatkan taraf serta menjana permintaan untuk inovasi 'ciptaan Malaysia', terutamanya dalam sektor perolehan Kerajaan.

Dua (2) inisiatif ini iaitu Penggunaan Barangan dan Perkhidmatan Hasil R&D Tempatan (MySTI) dan Sidang Kemuncak Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) 2023 akan mempercepat pembangunan dan pemasaran produk-produk R&D.



PELANCARAN DASAR TEKNOLOGI NUKLEAR NEGARA (DTNN) 2030

20 SEPTEMBER 2023



DTNN merupakan dasar yang signifikan dalam usaha MOSTI untuk merangka hala tuju strategik jangka panjang bagi memacu pembangunan teknologi nuklear negara sehingga tahun 2030.

Buku DTNN 2030 ini boleh dimuat turun di www.mosti.gov.my



DTNN 2030 ini adalah agenda negara bagi mengarusperdanakan penggunaan teknologi nuklear secara aman ke arah mempertingkatkan daya saing industri, memperkukuh kesejahteraan rakyat dan memulihara sumber asli dan alam sekitar.



PELANCARAN PELAN HALA TUJU TEKNOLOGI DAN EKONOMI HIDROGEN (HYDROGEN ECONOMY AND TECHNOLOGY ROADMAP – HETR)

5 OKTOBER 2023



YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, secara rasmi telah melancarkan Pelan Hala Tuju Teknologi dan Ekonomi Hidrogen (Hydrogen Economy and Technology Roadmap – HETR) di Persidangan dan Pameran Antarabangsa Teknologi Hijau dan Produk Eko Malaysia 2023 (IGEM 2023) yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.



HETR telah dibangunkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bagi menyokong Aspirasi Negara Rendah Karbon 2040, di bawah Dasar Tenaga Negara 2022-2040.

Buku HETR ini boleh dimuat turun di www.mosti.gov.my



PELAN HALA TUJU TEKNOLOGI DAN EKONOMI HIDROGEN (HETR)

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Hydrogen H_2


Hydrogen H_2

Sila Imbas Untuk Salinan Buku Dalam Bentuk PDF

MERAKYATKAN SAINS MENSANKAN TEKNOLOGI MALAYSIA MADANI

www.mosti.gov.my f @officialmosti mosti

Strategi dan Pelan Tindakan yang digariskan dalam HETR bakal memacu penggunaan hidrogen yang diunjurkan menyumbang kepada pengurangan pelepasan gas rumah hijau (GHG) antara 6% sehingga 15% serta menjana sehingga 200,000 peluang pekerjaan menjelang tahun 2050.



PERSIDANGAN KECERDASAN BUATAN UNITED KINGDOM – MALAYSIA (UK-MY AI CONFERENCE)

17 - 18 OKTOBER 2023



YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, telah merasmikan Persidangan Kecerdasan Buatan United Kingdom – Malaysia (UK-MY AI Conference) di Connexion Conference & Event Centre, Kuala Lumpur.

YAB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof bersama YB Tuan Chang Lih Kang, YB Datuk Arthur Joseph Kurup, YBhg. Dato' Ts. Dr. Hj. Aminuddin bin Hassim serta Sir Andrew Bowes, *Counsellor (Global Issues)*, Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia di Majlis Perasmian UK-MY AI Conference.



Persidangan AI ini turut menghimpunkan pakar-pakar AI dari United Kingdom, China, Singapura, Indonesia serta pakar AI tempatan bagi membincangkan pelbagai topik berkaitan AI. Perbincangan itu memfokus kepada tiga (3) tema utama iaitu Tadbir Urus, Dasar dan Peraturan AI; Perkongsian merangkumi Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi dalam bidang Kesihatan dan Pertanian; dan Pembangunan Bakat serta Kemahiran.



MAJLIS PENGANUGERAHAN FELO DAN PENGIKTIRAFAN TOP RESEARCH SCIENTIST MALAYSIA (TRSM) 2023

17 OKTOBER 2023

Pemilihan Felo dan TRSM adalah mewakili individu terbaik di seluruh negara dalam lapan kumpulan disiplin iaitu Sains Perubatan dan Kesihatan; Sains Kejuruteraan; Sains Kimia; Sains Biologi, Pertanian dan Alam Sekitar; Matematik, Fizik dan Sains Bumi; Teknologi Maklumat dan Sains Komputer; Pembangunan Sains & Teknologi dan Industri; serta Sains Sosial dan Kemanusiaan.



Felo baharu Akademi Sains
Malaysia bagi Tahun 2023.



Top Research Scientists
Malaysia (TRSM) 2023.



KOLABORASI PEMACU AGENDA STI

Kunjungan Hormat
Memorandum Persefahaman (MoU)



KUNJUNGAN HORMAT

KUNJUNGAN HORMAT MOSTI BERSAMA AKADEMI SAINS MALAYSIA (ASM) DAN YAYASAN ANUGERAH SAINS MAHATHIR (MSAF) KE ATAS YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI

6 APRIL 2023

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bersama Akademi Sains Malaysia (ASM) dan Yayasan Anugerah Sains Mahathir (MSAF) telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Timbalan Perdana Menteri YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof.

KUNJUNGAN HORMAT DUTA AMERIKA SYARIKAT KE MOSTI

10 JANUARI 2023

YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah menerima kunjungan hormat daripada H.E Brian McFeeters, Duta Amerika Syarikat ke Malaysia.



KUNJUNGAN HORMAT DUTA BESAR REPUBLIK ISLAM IRAN KE MOSTI

26 JANUARI 2023

YBhg. Dato' Ts. Dr. Hj. Aminuddin Hassim, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menerima kunjungan hormat daripada H.E Ali Asgar Mohammadi, Duta Besar Republik Islam Iran di Malaysia, Mr. Mohammadsaleh Khaleghi, *Head, Iran National Techmart Network Office of Vice Presidency for Science and Technology Iran*, dan delegasi perniagaan Iran.



KUNJUNGAN HORMAT DUTA BESAR AUSTRALIA KE MOSTI

7 FEBRUARI 2023


YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah menerima kunjungan hormat daripada H.E Dr. Justin Lee, Duta Besar Australia di Malaysia.



KUNJUNGAN HORMAT PESURUHJAYA TINGGI REPUBLIK SINGAPURA KE MOSTI


9 FEBRUARI 2023

YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah menerima kunjungan hormat daripada H.E Vanu Gopala Menon, Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura di Kuala Lumpur.



KUNJUNGAN HORMAT CHIEF EXECUTIVE OFFICER OF ENTERPRISE SINGAPORE KE ATAS YB TIMBALAN MENTERI

21 FEBRUARI 2023




YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah menerima kunjungan hormat daripada En. Png Cheong Boon, Chief Executive Officer of Enterprise Singapore di Akademi Sains Malaysia (ASM).

KUNJUNGAN HORMAT YB TIMBALAN MENTERI KE ATAS ASSISTANT SECRETARY IN THE BUREAU OF EAST ASIAN AND PACIFIC AFFAIRS

10 MAC 2023

YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Mr. Daniel Kritenbrink, *Assistant Secretary in The Bureau of East Asian and Pacific Affairs*. Hadir sama ialah H.E Brian McFeeters, Duta Amerika Syarikat di Malaysia dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Malaysia.



SESI PERBINCANGAN YB TIMBALAN MENTERI BERSAMA *US-ASEAN BUSINESS COUNCIL*

14 MAC 2023

YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia telah mengadakan pertemuan bersama *US-ASEAN Business Council* yang diketuai oleh TYT. Michael W. Michalak, Naib Presiden Kanan dan Pengarah Urusan Serantau.



KUNJUNGAN HORMAT DUTA REPUBLIK BRAZIL KE MOSTI

13 APRIL 2023

YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah menerima kunjungan hormat daripada H.E Ary Norton De Murat Quintella, Duta Republik Brazil di Malaysia.



KUNJUNGAN HORMAT DUTA BESAR REPUBLIK ISLAM IRAN KE MALAYSIA

1 JUN 2023


YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah menerima kunjungan hormat daripada H.E. Mr. Ali Asghar Mohammadi, Duta Besar Republik Islam Iran di Malaysia.



KUNJUNGAN HORMAT PESURUHJAYA TINGGI REPUBLIK UGANDA KE MOSTI

22 JUN 2023

YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia telah menerima kunjungan hormat daripada PYT Betty Oyella Bigombe, Pesuruhjaya Tinggi Republik Uganda ke Malaysia.



MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)

MAJLIS PERTUKARAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA NATIONAL INSTITUTES OF BIOTECHNOLOGY MALAYSIA (NIBM), PFIZER (MALAYSIA) SDN. BHD. DAN MVP HEALTHCARE SDN. BHD.

30 JANUARI 2023

YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah menyaksikan sesi pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) tiga (3) pihak antara National Institutes of Biotechnology (NIBM Malaysia) melalui Institut Genom dan Vaksin Malaysia (MGVI), dengan MVP Healthcare Sdn. Bhd. dan Pfizer Malaysia Sdn. Bhd. dalam usaha menyokong Dasar Bioteknologi Negara 2.0 (DBN 2.0) di bawah Teras Penjagaan Kesihatan dan Kesejahteraan.

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA NANOMALAYSIA BERHAD DENGAN NANOQUARTZ SDN. BHD. DAN XMU JIAGENG EDUCATION DEVELOPMENT SDN. BHD.

16 FEBRUARI 2023

Majlis menandatangani MoU ini melambangkan komitmen dan usaha kerajaan dalam mempertingkatkan dan mempergiat penyelidikan dan pembangunan (R&D) nanoteknologi termaju.





MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA MALAYSIA DAN SEPANYOL BAGI MEMBENTUK KERJASAMA DALAM BIDANG STI

2 MAC 2023

MoU ini ditandatangani antara YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Malaysia bersama Mrs. Raquel Yotti, *Secretary General for Research*, Kementerian Sains dan Inovasi, Sepanyol.

MAJLIS MEMETERAI PERJANJIAN KERJASAMA ANTARA NANOMALAYSIA BERHAD BERSAMA BIFORST BERHAD

16 MAC 2023

Perjanjian Kerjasama antara NanoMalaysia Berhad (NMB) dengan Biforst Berhad (Biforst) yang berlangsung di Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) 2023 merupakan satu usaha pelaburan dalam pengangkutan bebas karbon dengan mengadaptasi Sistem Penyimpanan Tenaga Hibrid Hidrogen terkini (H2SS) pada rangkaian pengangkutan Biforst.



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA MYSA BERSAMA PEJABAT DAERAH DAN TANAH CAMERON HIGHLANDS (PDTCH) DAN PERBADANAN KEMAJUAN CAMERON HIGHLANDS (PKCH)

6 MAC 2023

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menerima senaskah buku daripada YBrs. Gs. Haji Azlikamil bin Napiah, Ketua Pengarah MYSA, disaksikan oleh YBhg. Dato' Ts. Dr. Haji Aminuddin bin Hassim, Ketua Setiausaha MOSTI.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands (PDTCH) serta Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands (PKCH) bertempat di Hotel Zenith Cameron Highlands, Pahang.



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA MOSTI, KRSTE.MY DAN MTE

16 MAC 2023

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan PROTEMP Exhibitions and Conferences Sdn. Bhd. (PROTEMP) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) yang bertujuan menjalinkan kerjasama mengenai perkongsian data produk/teknologi tempatan sebagai usaha mempromosikan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) secara meluas.





MAJLIS MEMETERAI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA JABATAN TENAGA ATOM DAN UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS

29 MEI 2023

Jabatan Tenaga Atom (Atom Malaysia) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) bertempat di Bangunan Permata Sapura, *Centre for Advanced Professional Education CAPE*, Universiti Teknologi PETRONAS, Kuala Lumpur.

MESYUARAT MAJLIS SAINS NEGARA (NSC)

7 JUN 2023

Mesyuarat Majlis Sains Negara (NSC) pertama bagi tahun 2023 telah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim bagi membincangkan pelbagai usaha kerajaan dalam bidang sains, teknologi dan inovasi (STI) berteraskan nilai-nilai MADANI.

NSC merupakan platform bagi menetapkan hala tuju dan dasar STI negara melalui penglibatan kerajaan, industri dan akademia.



MESYUARAT MENTERI-MENTERI DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MEXCO-STI)

18 OKTOBER 2023



YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, menekankan bahawa STI memainkan peranan penting sebagai pemboleh daya bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara dan menjadi asas penggerak ke arah negara berteknologi tinggi menjelang 2030.

YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi bersama Menteri-Menteri dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Jalinan Kerjasama ini adalah untuk menyelaras pelaksanaan dasar berkaitan STI, pelaksanaan program serta mewujudkan perkongsian pintar untuk memperkukuhkan kerjasama antara kerajaan pusat dan negeri.





YB Tuan Chang Lih Kang bersama ahli mesyuarat telah meluangkan masa melawat pameran produk STI yang dibangunkan oleh jabatan dan agensi di bawah MOSTI.



KELUARGA MOSTI LUAR BIASA



HARI KELUARGA MOSTI 2023

Hari Keluarga MOSTI 2023 (HKM2023) telah diadakan pada 4 Mac 2023 di Padang Semarak, Taman Wetland Putrajaya sebagai usaha mengeratkan hubungan antara seluruh warga Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di samping menjadi platform bagi warga dan ahli keluarga untuk saling berkenalan serta berkerjasama melalui pelbagai aktiviti yang dilaksanakan.

Perasmian Hari Keluarga MOSTI 2023 oleh YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.





YB Datuk Arthur Joseph Kurup bersama warga MOSTI telah melakukan aktiviti berjalan kaki di sekitar kawasan Taman Wetland Putrajaya.





Hari Keluarga MOSTI 2023 (HKM2023) telah melibatkan penyertaan lebih 1000 warga MOSTI daripada ibu pejabat, jabatan dan agensi di bawah MOSTI serta ahli keluarga masing-masing.



PERTANDINGAN FUTSAL PIALA PUSINGAN STI 2023

Pada 11 Mac 2023, buat julung kalinya, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menganjurkan Futsal Piala Pusingan STI 2023 bertempat di KSL Sports Puchong.



Barisan peserta yang mengambil bahagian dalam Pertandingan Futsal Piala Pusingan STI 2023



MAJLIS PERJUMPAAN YB MENTERI BERSAMA WARGA MOSTI

12 APRIL 2023

Perjumpaan YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi bersama warga Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah diadakan pada 12 April 2023 di pekarangan bangunan Blok C4, MOSTI.



Tazkirah ringkas bertajuk 'Ramadan: Jangan Diucap Selamat Tinggal' daripada Al-Fadhil Ustaz Nabil bin Ahmad, Pegawai Hal Ehwal Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

YBhg. Dato' Ts. Dr. Aminuddin bin Hassim turut mengambil bahagian untuk beraksi dalam pertandingan *Battle of Nasyyid* istimewa sempena majlis tersebut.



MAJLIS TADARUS DAN KHATAM AL-QURAN PERDANA PERINGKAT MOSTI TAHUN 2023

18 APRIL 2023

Program yang disertai warga MOSTI ini merupakan anjuran bersama Surau Ar-Raudhah As-Sakinah MOSTI dan Puspanita MOSTI turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Dato' Ts. Dr. Haji Aminuddin bin Hassim, Ketua Setiausaha MOSTI dan YBhg. Datin Hajah Murni binti Muda, Pengerusi Puspanita Cawangan MOSTI.





MAJLIS PERJUMPAAN YB MENTERI BERSAMA PEMAIN INDUSTRI STI DAN WARGA MOSTI

17 MEI 2023

Majlis ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim dan mewujudkan semangat muhibah antara warga MOSTI bersama pihak industri dalam usaha merencanakan bidang STI.



Pemenang Pertandingan 'King & Queen of Aidilfitri'





Semua warga MOSTI di ibu pejabat, jabatan dan agensi di bawahnya bekerjasama dalam menyediakan pelbagai juadah hari raya.

YB Tuan Chang Lih Kang turut sama turun padang ke gerai makanan warga MOSTI.



PERTANDINGAN UNITY @ MOSTI GAME SHOW 2023

25 MEI 2023

Setiap bahagian dan unit dari ibu pejabat MOSTI telah menghantar wakil daripada pelbagai kaum dan etnik untuk menyertai pertandingan ini.



PELANCARAN ONE HOUR MALAYSIA CLEAN UP PERINGKAT MOSTI

24 JUN 2023

One Hour Malaysia Clean Up merupakan inisiatif di bawah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) di mana aktiviti utama dilaksanakan secara berfokus selama satu (1) jam di kawasan/lokasi berisiko pada hari Sabtu minggu keempat setiap bulan.



PERHIMPUNAN BULANAN MOSTI BERSAMA YB MENTERI

26 JUN 2023



- P** *People Centric* (Mendahulukan Rakyat)
- R** *Research & Development (R&D)* (Penyelidikan dan Pembangunan)
- E** *Enculturation* (Pembudayaan)
- C** *Capacity Building* (Pembinaan Keupayaan)
- I** *Investment* (Pelaburan)
- SE** *Startups Ecosystem* (Ekosistem Syarikat Pemula)

PROGRAM BERSIRI *RELAX & REFRESH* 2023

Program *Relax & Refresh* Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) merupakan satu pendekatan melalui terapi pelbagai bentuk dengan kaedah santai. Program anjuran Unit Pengurusan Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia MOSTI ini bertujuan meningkatkan kesejahteraan dalam kalangan warga MOSTI untuk menguruskan tekanan dengan lebih efektif di samping mewujudkan keseronokan dan keseimbangan dalam berkerja.

TERAPI MUZIK

27 JANUARI 2023

ATRIUM PETERANA MOSTI

Terapi muzik adalah satu pendekatan efektif yang digunakan dalam sesi kaunseling dengan menggunakan alat muzik sebagai medium ekspresi diri klien. Sesi kaunseling yang menggunakan pendekatan ini memerlukan kaunselor terlatih secara profesional dalam kemahiran asas terapi muzik.



TERAPI BERMAIN

24 FEBRUARI 2023

DISTRIK PRAKARSA, MOSTI

Terapi bermain adalah satu pendekatan efektif yang digunakan dalam sesi kaunseling dengan menggunakan alat permainan sebagai medium ekspresi diri klien. Sesi kaunseling yang menggunakan pendekatan ini memerlukan kaunselor terlatih secara profesional dalam kemahiran asas terapi bermain.



TERAPI SENI EKSPRESIF

Pada 10 Mac 2023, sesi Terapi Seni Ekspresif telah dilaksanakan di Atrium Peterana, MOSTI



Pendekatan terapi melalui aktiviti-aktiviti seperti melukis, mewarna dan menghasilkan kolaj dapat membantu peserta meluahkan emosi yang dirasakan, serta memahami isu dan permasalahan dalam diri mereka



Pada 7 April 2023, siri *Relax and Refresh*: Terapi Seni telah diadakan di Pusat Sains Negara



Pada 12 Jun 2023, siri *Relax and Refresh*: Terapi Seni telah di adakan di Jabatan Tenaga Atom



TERAPI KETAWA

19 MEI 2023

AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

Terapi ketawa atau lebih dikenali sebagai *Laughter Yoga* merupakan salah satu terapi yang diperkenalkan oleh Dr. Madan Kataria pada tahun 1995. Beliau merupakan seorang doktor perubatan dan telah melakukan banyak kajian saintifik mengenai faedah ketawa dengan kesihatan fizikal dan juga mental.



PROGRAM BERSIRI SEMBANG STI

Program Sembang STI dianjurkan sebagai salah satu platform perkongsian ilmu berkaitan sains, teknologi dan inovasi (STI) bagi memberi lebih pemahaman mengenai STI daripada perspektif dan dalam suasana yang lebih santai. Program ini diadakan setiap hari Jumaat, jam 3.00 petang, bertempat di Atrium Peterana Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN DI BAWAH BIOECONOMY CORPORATION

13 JANUARI 2023

Sesi Sembang STI kali ini menampilkan Encik Aznizam Azman, Naib Presiden Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Khidmat Nasihat, Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn. Bhd. (Bioeconomy Corporation) yang berkongsi mengenai Program Pembangunan Usahawan di bawah Bioeconomy Corporation.



PROJEK URBANKIT UNTUK KOMUNITI ASNAF DAN B40

20 JANUARI 2023

Siri Sembang STI pada kali ini adalah perkongsian berhubung Projek Urbankit Untuk Komuniti Asnaf dan B40. Sesi perkongsian ini dipimpin oleh Encik Mohd Johaary Abdul Hamid, Pegawai Penyelidik Kanan, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).



D'CIPTA TALK

7 APRIL 2023

D'CipTa *Talk* telah menampilkan Encik Khairul Anwar Mohamad Zaki, Pengasas Pandai Education Sdn. Bhd. bagi berkongsi mengenai aplikasi PANDAI.





KNOWLEDGE RESOURCE FOR SCIENCE AND TECHNOLOGY EXCELLENCE (KRSTE.MY)

12 MEI 2023

Sesi Sembang STI kali ini menampilkan Encik Kamarul Arifin bin Musa, Penolong Setiausaha, Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC) yang berkongsi mengenai *Knowledge Resource for Science and Technology Excellence* (KRSTE.my).



ADA APA DENGAN GLOBAL INNOVATION INDEX

26 MEI 2023

Sesi Sembang STI kali ini menampilkan Encik Ho Yun Shiang, Ketua Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Data Strategik dan Foresight Teknologi yang berkongsi mengenai topik 'Ada Apa Dengan *Global Innovation Index*'.



PENGHARGAAN

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pengurusan tertinggi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) atas sokongan dan nasihat yang diberikan sehingga buku ini berjaya diterbitkan.

Sekalung penghargaan buat Ahli Jawatankuasa Sidang Redaksi, khususnya Unit Komunikasi Korporat MOSTI, jabatan dan agensi di bawah MOSTI serta individu-individu yang telah terlibat dalam menyumbangkan buah fikiran dan tenaga bagi menerbitkan buku ini.

Pejabat Pengurusan Tertinggi MOSTI
 Pejabat Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)
 Bahagian Perancangan Strategik
 Bahagian Pemindahan Teknologi dan Pengkomersialan R&D
 Bahagian Pembudayaan dan Perkhidmatan STI
 Bahagian Teknologi Strategik dan Aplikasi S&T
 Bahagian Kewangan
 Bahagian Dana
 Bahagian Akaun
 Bahagian Pembangunan
 Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
 Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
 Bahagian Pentadbiran
 Bahagian Antarabangsa
 Bahagian Data Strategik dan Foresight Teknologi
 Bahagian Penguasa Angkasa
 Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC)
 Pusat Nanoteknologi Kebangsaan
 Pejabat Pengurusan Projek Pembangunan Vaksin Malaysia
 Unit Perundangan
 Unit Integriti
 Unit Audit Dalam

Pusat Sains Negara
 Planetarium Negara
 Agensi Angkasa Malaysia
 Agensi Nuklear Malaysia
 Jabatan Kimia Malaysia
 Jabatan Tenaga Atom
 Akademi Sains Malaysia
 Lembaga Teknologis Malaysia
 Cradle Fund Sdn. Bhd.
 Kumpulan Modal Perdana
 Malaysia Debt Venture Berhad
 Malaysia Venture Capital Management Berhad
 Malaysian Technology Development Corporation
 The Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation
 Malaysian Industry-Government Group for High Technology
 Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn. Bhd.
 NanoMalaysia Berhad
 National Institutes of Biotechnology Malaysia
 Yayasan Inovasi Malaysia
 Institut Kimia Malaysia

Ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan penerbitan buku ini sama ada secara langsung atau tidak langsung.

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

YBhg. Dato' Ts. Dr. Aminuddin bin Hassim

PENASIHAT

YBhg. Datuk Ts. Dr. Mohd Nor Azman

YBrs. Puan Ruziah binti Shafie

KETUA EDITOR

Encik Isa bin Nikmat

Puan Emily Clarice Joannes

EDITOR

Puan Siti Hanani Binti Baharom

Encik Khairoul Bin Hussien

Cik Norizan Binti Jamali

Puan Nurul Haziqah Binti Hisham

Encik Mohd Shafiq Bin Foziman

Cik Nurhazirah Binti Md Rozi

Cik Siti Nurfatihah Binti Mohamad

PENYELARAS

Puan Siti Hanani Binti Baharom

Encik Mohd Shafiq Bin Foziman

PENULIS

YBhg. Datin Sri Norfaliza binti Ismail

Puan Suaibatul Aslamiah binti Abd Halim

Puan Filzah Ariyani binti Mohd Ariffin

YBrs. Ir. Airull Azizi Bin Awang Lah

Puan Noraini Binti Che Husain

Encik Ho Yun Shiang

YBhg. Puan Sri Dr. Halila Faiza Binti Zainal Abidin

Puan Halema Binti Shajahan

Puan Nur Faatihah Amila Binti Lemon

Puan Fadzillah Binti Mansor

Encik Al-Arif Bin Abdul Rahim

Encik Muhammad Kamal Bin Zulkifle

Encik Abdul Muttalib bin Mohamad

Encik Ahmad Fadhil Bin Mohd Salleh

Cik Ain Farhana Binti Jaafar

Puan Nor Raiha Binti Che Hasan

YBrs. Dr. Nurul Asyikin Binti Kamaruzaman

Encik Muhammad Imran Bin Jamaluddin

Encik Mohd Ashraf bin Abdul Malik

Encik Ezure bin Abd Rahim

Encik Sheikh Muhamed Nur Syakirin Bin Sheik Muhamed Amin

Puan Nurdiana binti Abdul Kuddus

Encik Raja Riznal Raja Abidin

Puan Noor Hanim Hani bt Mohd Ariffin

Puan Suriati Binti Mokhlis

Puan Norliza Binti Abdul Mihat

Puan Siti Ezrina Alias

Puan Muriani Mat Zin

Encik Mohd Faizal Amin

Puan Farah Heizrin Abdul Rafick

Puan Noor Rina Rosli

Encik Sopian Ashafi Bin Mohamad

Puan Michelle Teh Phaik Kim

Encik Mohammad Farez bin Mat Hasbi

Encik Muhammad Khairul Rijal Muhammad

Puan Noor Fairuz binti Shamsudin

Encik Rudy bin Nurdin

Puan Shahrina Abd Samad

Encik Mohd Sha Affandi bin Md Aripin

Puan Aliah Nur Fatehah Mohamad Basir

Puan Alvira Mohd Natt

Puan Intan Suraini Rosdi

Encik Elmy Fairuz Azmi

Encik Najib Mohd Idris

Cik Norazwa Musiran

Puan Nurul Hamizah Md Yusof

Puan Nur Hidayah Abu Hanifah

Puan Nur Hanisah Ismail

Puan Nina Azrah Razali

Cik Allya Muchaerany Mulyono

Cik Mariam Ulfah Zulkipli

Puan Amirah Fathiah Binti Mohd Faisal

Puan Hafizah Binti Muhamad Kher

Puan Haslina Hamidan

JURUFOTO

Encik Saiful Bahari Bin Ahmad

Encik Muhammad Mu'izzuddin Bin Mat Samsudin

Puan Siti Shuhadah Binti Mohamad

Encik Amir Arif Bin Adam

Encik Mohamad Khairul Irfan Bin Mohd Asri

PENTADBIRAN

Puan Wan Nur Asilah Binti Wan Mohd Rosdi

Puan Salimah Binti Matiseh

Encik Mohammad Affandi Bin Mohd Isa

Puan Norhafizah Binti Mohamad Noor

Encik Muhammad Shazmeer Bin Md. Diah

DITERBITKAN OLEH

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Aras 1 – 7, Blok C4 & C5, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62662 Putrajaya, Malaysia







www.mosti.gov.my




KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI (MOSTI)

Aras 1-7, Blok C4 & C5, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62662, Putrajaya, MALAYSIA

Telefon : (603) 8000 8000
Faks : (603) 8890 3092
E-mel : enquiry@mosti.gov.my

   @officialmosti  MOSTI

ISBN 123-456-7890-12-3



1 2 3 4 5 6 7 8 9 0 1 2 3

